

**KUASA BUDI BICARA YANG DI-PERTUAN AGONG DALAM PELANTIKAN
PERDANA MENTERI: HAD PERLEMBAGAAN, LEGITIMASI DEMOKRATIK
DAN CADANGAN PEMBAHARUAN DI MALAYSIA**

Rositah Kambol*

Fakulti Undang-Undang, Governan & Hubungan Antarabangsa
Universiti Islam Melaka
rositah@unimel.edu.my

Nadiah Mohd Zin

Fakulti Undang-Undang, Governan & Hubungan Antarabangsa
Universiti Islam Melaka
nadiah_mohdzin@unimel.edu.my

Fabli Yusof

Fakulti Undang-Undang, Governan & Hubungan Antarabangsa
Universiti Islam Melaka
fabli@unimel.edu.my

Nur Muhammad Iqzuan Samsudin

Fakulti Undang-Undang, Governan & Hubungan Antarabangsa
Universiti Islam Melaka
iqzuan@unimel.edu.my

**Corresponding author*

Received Date: 17 October 2025 Accepted Date: 28 November 2025 Published Date: 31 December 2025

ABSTRAK

Kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dalam melantik Perdana Menteri merupakan ciri teras dalam sistem Raja Berperlembagaan Malaysia, khususnya ketika negara berhadapan dengan ketidaktentuan politik dan kebuntuan Parlimen. Walaupun Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan secara jelas memperuntukkan kuasa tersebut, tafsiran dan pelaksanaannya telah mencetuskan perdebatan berterusan berkaitan legitimasi demokratik, had perlembagaan dan akauntabiliti institusi. Artikel ini menganalisis secara kritikal skop, had serta implikasi perlembagaan kuasa budi bicara YDPA dalam pelantikan Perdana Menteri dengan memberi tumpuan kepada krisis politik Malaysia pada tahun 2020 dan 2022. Kajian ini menggunakan metodologi undang-undang doktrinal yang digabungkan dengan analisis kes dan pendekatan sejarah melalui penelitian terhadap peruntukan perlembagaan, keputusan kehakiman, konvensyen perlembagaan serta pandangan sarjana. Kajian ini berhujah bahawa walaupun kuasa budi bicara YDPA adalah sah dari sudut perlembagaan dan berfungsi sebagai mekanisme penstabilan politik ketika kebuntuan pemerintahan, ketiadaan garis panduan perlembagaan atau konvensyen yang jelas

berpotensi menjejaskan legitimasi demokratik dan keyakinan awam. Artikel ini mencadangkan pembentukan satu kerangka budi bicara berpandu berasaskan konvensyen perlembagaan dan amalan perbandingan bagi memastikan pelaksanaan kuasa tersebut kekal selari dengan prinsip perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan demokrasi berparlimen.

Kata kunci: Kuasa budi bicara, Yang di-Pertuan Agong, Pelantikan Perdana Menteri, Raja Berperlembagaan, Demokrasi Berparlimen

***THE DISCRETIONARY POWER OF THE YANG DI-PERTUAN AGONG IN
APPOINTING THE PRIME MINISTER: CONSTITUTIONAL LIMITS,
DEMOCRATIC LEGITIMACY AND REFORM PROPOSALS IN MALAYSIA***

ABSTRACT

The discretionary power of the Yang di-Pertuan Agong (YDPA) in appointing the Prime Minister constitutes a pivotal feature of Malaysia's constitutional monarchy, particularly during periods of political uncertainty and parliamentary deadlock. While Articles 40(2)(a) and 43(2)(a) of the Federal Constitution expressly confer such discretion, its interpretation and exercise have generated sustained debate concerning democratic legitimacy, constitutional limits, and institutional accountability. This article critically examines the scope, limits, and constitutional implications of the YDPA's discretionary power in the appointment of the Prime Minister, with particular reference to Malaysia's political crises in 2020 and 2022. Adopting a doctrinal legal methodology complemented by case analysis and historical inquiry, the study analyses constitutional provisions, judicial decisions, constitutional conventions, and scholarly commentary. The article argues that although the discretionary authority of the YDPA is constitutionally valid and functions as a stabilising mechanism during political impasses, the absence of clear constitutional or conventional guidelines risks undermining democratic legitimacy and public confidence. It proposes the development of a guided constitutional framework grounded in established conventions and comparative practices to ensure that the exercise of royal discretion remains consistent with the principles of constitutionalism, the rule of law, and parliamentary democracy.

Keywords: *Royal discretion, Yang di-Pertuan Agong, Prime Ministerial appointment, Constitutional monarchy, Parliamentary democracy*

PENDAHULUAN

Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen di mana Yang di-Pertuan Agong (YDPA) berfungsi sebagai Ketua Negara serta aktor perlembagaan yang penting. Secara amnya, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa YDPA hendaklah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri sebagaimana yang dinyatakan di bawah Perkara 40(1). Namun demikian, Perlembagaan juga memperakui kewujudan keadaan-keadaan tertentu yang membolehkan YDPA bertindak menurut budi bicara baginda. Antara kuasa budi bicara yang paling signifikan ialah kuasa melantik Perdana Menteri sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a).

Dalam tempoh awal pasca-kemerdekaan, pelaksanaan kuasa budi bicara ini jarang menimbulkan kontroversi berikutan keputusan pilihan raya yang jelas dan kewujudan majoriti Parlimen yang stabil. Namun, perkembangan politik mutakhir, khususnya krisis politik pada tahun 2020 dan 2022, telah meletakkan tekanan luar biasa terhadap mekanisme perlembagaan ini. Dalam kedua-dua situasi tersebut, tiada parti politik atau gabungan yang memperoleh majoriti jelas di Dewan Rakyat, sekaligus memerlukan YDPA untuk menggunakan pertimbangan budi bicara secara aktif dalam menentukan individu yang berkemungkinan mendapat kepercayaan majoriti ahli Parlimen. Keadaan ini telah menghidupkan semula perbincangan perlembagaan berkaitan skop dan had kuasa budi bicara YDPA, hubungan antara autoriti Raja dan legitimasi demokratik, serta kecukupan konvensyen perlembagaan sedia ada. Walaupun banyak kajian terdahulu menumpukan kepada asas tekstual kuasa budi bicara ini, analisis kritikal terhadap pelaksanaannya dalam konteks krisis politik kontemporari masih terhad.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menjawab persoalan-persoalan berikut: (i) apakah skop dan had perlembagaan kuasa budi bicara YDPA dalam melantik Perdana Menteri; (ii) bagaimanakah kuasa tersebut telah dilaksanakan dalam krisis politik Malaysia pada tahun 2020 dan 2022; dan (iii) sejauh manakah amalan semasa ini selari dengan prinsip perlembagaan dan demokrasi berparlimen. Artikel ini berhujah bahawa keperluan kepada panduan perlembagaan dan pengukuhan konvensyen adalah penting bagi memastikan keseimbangan antara kestabilan politik dan legitimasi demokratik dalam kerangka perlembagaan Malaysia. Kajian ini menyumbang kepada wacana akademik dengan mengemukakan analisis kritikal terhadap amalan semasa serta mencadangkan satu kerangka normatif bagi memperkukuh pelaksanaan kuasa budi bicara YDPA agar selari dengan prinsip kedaulatan undang-undang dan legitimasi demokratik.

KONSEP BERTINDAK MENURUT BUDIBICARA

Kuasa menurut budi bicara merujuk kepada kuasa yang diberikan kepada seseorang individu atau pihak untuk membuat keputusan berdasarkan pertimbangan peribadi, tanpa keperluan untuk merujuk kepada pihak lain atau mengikuti prosedur yang ketat. Dalam konteks undang-undang dan perlembagaan, kuasa ini sering diperuntukkan kepada pihak yang memegang jawatan tertentu untuk membolehkan mereka membuat keputusan dalam situasi-situasi yang memerlukan penilaian peribadi. Menurut Perlembagaan Persekutuan Malaysia, kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong (YDPA) diperuntukkan secara spesifik dalam beberapa perkara, seperti pelantikan Perdana Menteri dan pembubaran Parlimen. Peruntukan berkaitan kuasa budi bicara ini memberi kesan yang sangat penting dalam sistem pemerintahan, kerana ia memberikan ruang untuk membuat keputusan yang boleh mempengaruhi arah politik negara.

Perkara 40(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong (YDPA) hendaklah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau seorang Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri, kecuali dalam situasi yang dibenarkan oleh Perlembagaan untuk YDPA bertindak menurut budi bicaranya.

Perkara 40(2) (a) dan Perkara 43(2) (a) Perlembagaan Persekutuan selanjutnya memperjelaskan kuasa budi bicara YDPA termasuk melantik seorang Perdana Menteri. Perkara 43(2) (a) pula memberi kuasa kepada YDPA untuk melantik seorang ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri yang pada hemat baginda mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan. Ini menimbulkan persoalan mengenai tafsiran kuasa ini dalam situasi di mana tidak ada calon yang jelas mendapat sokongan majoriti.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat (2005), budi bicara didefinisikan sebagai kebijaksanaan atau kebolehan seseorang dalam membuat keputusan atau menyelesaikan sesuatu perkara dengan menggunakan pertimbangan sendiri berdasarkan pengalaman, pengetahuan, dan kesedaran moral. Secara ringkas, budi bicara merujuk kepada keupayaan seseorang untuk membuat pilihan atau keputusan berdasarkan kebijaksanaan peribadi tanpa bergantung sepenuhnya kepada arahan atau garis panduan yang telah ditetapkan.

S. M. Amin Shah (2021) seterusnya menjelaskan konsep kuasa budi bicara sebagai kuasa yang diberikan kepada pihak berkuasa pentadbiran untuk membuat keputusan berdasarkan pertimbangan subjektif, selagi ia dalam batasan yang ditetapkan oleh undang-undang. Ini termasuk kuasa untuk menentukan cara dan masa keputusan dibuat berdasarkan keperluan dan situasi semasa. Dalam bukunya, pengarang telah menggariskan prinsip-prinsip yang harus dipatuhi dalam penggunaan kuasa budi bicara, termasuk keperluan untuk membuat keputusan yang berasaskan kepada fakta yang relevan dan pertimbangan yang adil, serta kewajiban untuk memberi peluang kepada pihak yang terlibat untuk didengar sebelum keputusan dibuat.

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2021) telah membincangkan secara terperinci tentang prerogatif dan kuasa budi bicara YDPA serta peranan YDPA dalam mempertahankan prinsip kedaulatan undang-undang dan Perlembagaan, Beliau menegaskan bahawa walaupun kuasa budi bicara memberikan fleksibiliti, ia mesti digunakan dengan hati-hati dan dalam batasan yang ditetapkan oleh undang-undang. Keputusan yang dibuat harus adil, munasabah, dan berdasarkan pertimbangan yang relevan.

F. H. Koh (2023) menggariskan konsep kuasa budi bicara sebagai keupayaan untuk membuat keputusan berdasarkan pertimbangan subjektif dan keperluan kes tertentu. Ini merangkumi budi bicara dalam konteks pelaksanaan undang-undang, sama ada dalam keputusan mahkamah, pihak berkuasa pentadbiran, atau pihak berkuasa jenayah.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur berkaitan kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dalam pelantikan Perdana Menteri menunjukkan bahawa perbincangan akademik di Malaysia tertumpu kepada tiga tema utama, iaitu tafsiran perlembagaan terhadap kuasa budi bicara, hubungan antara institusi Raja dan prinsip demokrasi berparlimen, serta isu kekosongan garis panduan dan mekanisme akauntabiliti.

Tema pertama menumpukan kepada tafsiran perlembagaan terhadap kuasa budi bicara YDPA. Gill (2018) dan Faruqi (2008) menegaskan bahawa kuasa budi bicara YDPA adalah kuasa yang diperuntukkan secara terhad dan khusus oleh Perlembagaan Persekutuan. Menurut Gill, pelantikan Perdana Menteri merupakan salah satu pengecualian penting kepada prinsip umum bahawa YDPA hendaklah bertindak atas nasihat Jemaah Menteri. Faruqi pula menekankan bahawa walaupun kuasa ini sah dari sudut perlembagaan, pelaksanaannya perlu ditafsir secara restriktif bagi mengelakkan penghakisan prinsip demokrasi berparlimen. Perbezaan pendekatan ini menunjukkan ketegangan antara keperluan kestabilan politik dan keperluan mengehadkan peranan monarki dalam urusan eksekutif.

Tema kedua berkaitan ketegangan antara Raja Berperlembagaan dan legitimasi demokratik. Abdul Aziz Bari (2018) serta Tan (2020) mengkritik pelaksanaan kuasa budi bicara YDPA yang berpotensi menimbulkan persepsi bahawa pelantikan Perdana Menteri tidak mencerminkan kehendak rakyat secara langsung, khususnya apabila proses tersebut tidak disahkan melalui undian rasmi di Parlimen. Kritikan ini menekankan bahawa legitimasi demokrasi dalam sistem berparlimen seharusnya berpaksikan sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat yang diuji secara terbuka. Dalam konteks ini, kuasa budi bicara YDPA sering dilihat berada dalam kedudukan yang sensitif antara keperluan mengekalkan kestabilan dan tuntutan prinsip demokrasi perwakilan.

Tema ketiga menumpukan kepada isu kekosongan garis panduan dan akauntabiliti dalam pelaksanaan kuasa budi bicara. Ng (2019) dan Wong (2022) berhujah bahawa Perlembagaan Persekutuan tidak menyediakan mekanisme yang jelas untuk menentukan bagaimana YDPA menilai kepercayaan majoriti ahli Parlimen. Ketiadaan panduan bertulis atau konvensyen yang mantap membuka ruang kepada tafsiran yang pelbagai serta meningkatkan risiko pertikaian politik dan perlembagaan. Menurut mereka, kekosongan ini juga menyumbang kepada persepsi bahawa keputusan YDPA terdedah kepada pengaruh politik, walaupun secara prinsipnya institusi Raja seharusnya bersifat berkecuali.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa walaupun kuasa budi bicara YDPA diiktiraf sebagai mekanisme perlembagaan yang sah dan perlu, perbincangan akademik masih kurang memberi penekanan kepada analisis kritikal terhadap pelaksanaannya dalam krisis politik kontemporari. Kebanyakan kajian menumpukan kepada asas normatif tanpa mencadangkan kerangka praktikal yang boleh membimbing pelaksanaan kuasa tersebut. Justeru, kajian ini berusaha mengisi kelompongan tersebut dengan menganalisis penggunaan kuasa budi bicara YDPA dalam konteks krisis politik 2020 dan 2022 serta mengemukakan cadangan pembaharuan berasaskan prinsip perlembagaan dan demokrasi berparlimen.

ANALISIS KES: PELAKSANAAN KUASA BUDI BICARA YDPA DALAM PELANTIKAN PERDANA MENTERI

Analisis kehakiman terhadap kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dalam pelantikan Perdana Menteri menunjukkan kecenderungan mahkamah Malaysia untuk mengambil pendekatan berhati-hati dan bersifat deferens terhadap keputusan institusi Raja. Pendekatan ini dapat

diperhatikan melalui beberapa kes utama yang membentuk kerangka tafsiran kehakiman terhadap kuasa budi bicara perlembagaan.

Dalam kes *S. R. Ramasamy v. Kerajaan Malaysia* [1983] 2 MLJ 212, Mahkamah Tinggi berhadapan dengan cabaran terhadap pelantikan Perdana Menteri oleh YDPA. Isu utama dalam kes ini ialah samada keputusan YDPA dalam melantik Perdana Menteri boleh dicabar melalui semakan kehakiman. Mahkamah memutuskan bahawa kuasa YDPA dalam pelantikan Perdana Menteri merupakan kuasa perlembagaan yang dilaksanakan menurut budi bicara dan berada di luar skop campur tangan kehakiman selagi ia dilaksanakan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Ratio decidendi kes ini menegaskan prinsip bahawa mahkamah tidak wajar menggantikan pertimbangan YDPA dengan pertimbangan kehakiman sendiri dalam perkara yang melibatkan penilaian sokongan majoriti di Parlimen. Walau bagaimanapun, pendekatan deferens yang diambil dalam kes ini telah dikritik oleh sarjana undang-undang perlembagaan kerana kegagalan mahkamah menetapkan piawaian objektif bagi menilai bagaimana kepercayaan majoriti harus ditentukan. Ketiadaan piawaian ini berpotensi mewujudkan kekaburan dalam pelaksanaan kuasa budi bicara dan mengurangkan tahap akauntabiliti perlembagaan.

Pendekatan yang hampir serupa dapat dilihat dalam kes *Abdul Hadi Awang v. Yang di-Pertuan Agong* [2009] 6 MLJ 859. Dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan menegaskan bahawa YDPA mempunyai kuasa untuk membuat keputusan berkaitan pelantikan Perdana Menteri berdasarkan pertimbangan perlembagaan dan konvensyen yang sedia ada. Mahkamah menolak campur tangan kehakiman yang berlebihan dengan alasan bahawa penentuan sokongan majoriti merupakan isu politik yang memerlukan pertimbangan institusi Raja sebagai penjaga kestabilan negara. Walaupun keputusan ini mengukuhkan kedudukan YDPA sebagai aktor perlembagaan yang penting, ia juga mencerminkan keengganan mahkamah untuk mengembangkan prinsip semak dan imbang secara substantif dalam konteks kuasa budi bicara perlembagaan. Pendekatan ini menimbulkan persoalan samada doktrin pengasingan kuasa telah ditafsirkan secara terlalu sempit sehingga mengehadkan peranan mahkamah dalam melindungi legitimasi demokratik.

Kes *Nizar Jamaluddin v. Zambry Abdul Kadir* [2009] 5 MLJ 464 (Mahkamah Rayuan) turut memberikan panduan penting berkaitan tafsiran kepercayaan majoriti. Walaupun kes ini melibatkan konteks.

METODOLOGI

Penyelidikan ini adalah penyelidikan undang-undang normatif. Penyelidikan undang-undang normatif, yang juga dikenali sebagai penyelidikan doktrinal, memfokuskan kepada kajian terhadap norma, prinsip dan doktrin undang-undang sebagaimana yang terkandung dalam perundangan dan keputusan kehakiman.” (Salman, M. & Abdullah, M. 2014). Penyelidikan undang-undang normatif dirujuk sebagai penyelidikan doktrin. Penyelidikan undang-undang doktrinal menumpukan kepada analisis peraturan, prinsip dan doktrin undang-undang yang terkandung dalam sumber undang-undang primer dan sekunder.” (Hutchinsonm 2010). Menurut kajian ini, undang-undang sering dikonsepskan sebagai apa yang termaktub dalam peraturan perundangan (*law in book*) atau undang-undang dikonsepskan sebagai peraturan

atau norma yang menjadi penanda aras bagi tingkah laku masyarakat terhadap apa yang dianggap wajar. Namun, pada hakikatnya undang-undang juga boleh dikonsepskan sebagai apa yang berlaku (*law in action*). Undang-undang dalam buku adalah undang-undang yang sepatutnya berfungsi seperti yang diharapkan. Kedua-duanya berbeza, bermakna undang-undang dalam buku selalunya berbeza dengan undang-undang dalam kehidupan manusia.

Penyelidikan undang-undang bukan sahaja mengiktiraf data, tetapi disokong oleh data lain yang diperlukan sebagai sumber penyelidikan. Sumber kajian terdiri daripada bahan perundangan primer ialah bahan perundangan yang berautoriti, bermakna mempunyai autoriti yang terdiri daripada perundangan, catatan rasmi, atau minit dalam pembuatan undang-undang dan keputusan hakim. Pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan undang-undang ialah:

Pendekatan statut

Dalam kaedah pendekatan statutori, penyelidik perlu memahami hierarki dan prinsip dalam peraturan berkanun. Peraturan berkanun adalah peraturan tertulis yang ditetapkan oleh undang-undang utama Negara iaitu perlembagaan Persekutuan merujuk kepada beberapa Perkara utama di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 40(1), (2) dan (3) Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada YDPA untuk bertindak menurut budi bicaranya.

Kajian kes (*Case study*)

Dalam menggunakan pendekatan kes, apa yang penyelidik perlu fahami ialah ratio decidendi, iaitu alasan-alasan hukum yang digunakan oleh hakim untuk sampai kepada keputusannya. Menurut Goodheart, nisbah decidendi boleh didapati dengan memberi perhatian kepada fakta material juga keputusan mahkamah.

Pendekatan Sejarah (*Historical Approach*)

Dalam pendekatan sejarah, rangka kerja untuk menjejaki sejarah pengaplikasian konsep budi bicara dari semasa ke semasa diteliti. Pendekatan ini benar-benar membantu penyelidik memahami falsafah peraturan undang-undang dari semasa ke semasa. Selain itu, melalui pendekatan ini penyelidik juga dapat memahami perubahan dan perkembangan konsep dan falsafah yang mendasari peraturan perundangan ini. Ini dapat dilihat daripada sifat dan jenis penyelidikan yang akan dikaji oleh penyelidik.

Dari segi sifatnya, penelitian ini merupakan penelitian deskriptif, artinya penelitian yang menggambarkan objek tertentu dan menjelaskan hal-hal yang berkaitan atau secara sistematis menggambarkan fakta atau ciri populasi tertentu dalam bidang tertentu secara faktual dan teliti. Penyelidikan ini bersifat deskriptif kerana kajian ini hanya menggambarkan objek untuk menarik kesimpulan yang boleh digunakan secara umum. Dalam penelitian ini penulis akan menghuraikan kajian berkaitan konsep budi bicara YDPA dalam melantik seorang Perdana Menteri. Penyelidikan jenis ini ialah kajian penilaian menggunakan kaedah kajian kualitatif. Alasan penggunaan kaedah kualitatif ini adalah kerana masalahnya bersifat

holistik, kompleks, dinamik dan penuh makna sehingga mustahil data situasi sosial dapat ditangkap menggunakan kaedah kuantitatif.

SEJARAH DAN EVOLUSI KUASA PELAKSANAAN KUASA BUDI BICARA YDPA

Kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong (YDPA) untuk melantik Perdana Menteri adalah salah satu aspek penting dalam sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia. Sejarah kuasa ini telah mengalami beberapa perkembangan penting, terutama ketika negara menghadapi krisis politik atau apabila tiada satu pihak pun yang memperoleh majoriti jelas di Parlimen. Doktrin budi bicara Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dalam pelantikan Perdana Menteri dan keputusan penting lain dalam konteks Raja Berperlembagaan telah mengalami perubahan dan perkembangan sejak kemerdekaan Malaysia. Perkembangan ini sering kali dipengaruhi oleh peristiwa-peristiwa politik dan perlembagaan yang berlaku dalam tempoh tersebut. Doktrin ini mencerminkan keseimbangan antara kuasa Raja dan prinsip demokrasi yang diamalkan di Malaysia.

Pada era awal pasca-kemerdekaan, doktrin budi bicara YDPA tidak menjadi isu utama kerana kebanyakan keputusan penting, termasuk pelantikan Perdana Menteri, dibuat mengikut nasihat Jemaah Menteri berdasarkan keputusan pilihan raya yang jelas. Pada ketika ini, kuasa budi bicara YDPA lebih bersifat simbolik dan digunakan dengan berhati-hati, selaras dengan prinsip Raja Berperlembagaan. Berikut adalah tinjauan sejarah mengenai kuasa budi bicara YDPA dalam pelantikan Perdana Menteri:

Kuasa untuk bertindak menurut budibicara pernah dilaksanakan semasa perundingan kemerdekaan Malaya, Raja-raja Melayu bersetuju untuk mengekalkan sistem monarki dengan kuasa yang dihadkan oleh Perlembagaan. Peruntukan mengenai kuasa budi bicara Raja-raja, termasuk YDPA, dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai mekanisme untuk melindungi peranan institusi Raja dalam sistem demokrasi berparlimen.

Selepas kemerdekaan pada tahun 1957, YDPA Pertama, Tuanku Abdul Rahman, menggunakan kuasa budi bicara untuk melantik Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri pertama berdasarkan majoriti yang jelas diperoleh Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Umum 1955. Dalam situasi ini, tiada krisis politik berlaku, dan pelantikan Perdana Menteri berjalan dengan lancar mengikut nasihat Jemaah Menteri.

Selanjutnya, selepas rusuhan kaum yang tercetus pada 13 Mei 1969, negara berada dalam keadaan darurat, dan YDPA, bersama Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), memainkan peranan penting dalam mengembalikan kestabilan. Walaupun kuasa eksekutif pada masa itu terletak di tangan MAGERAN, YDPA turut berperanan dalam mengekalkan kestabilan politik melalui kuasa budi bicara yang lebih luas. Dalam konteks ini, doktrin budi bicara YDPA mengambil peranan yang lebih besar apabila pentadbiran negara diambil alih oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Walaupun MAGERAN menguruskan hal ehwal eksekutif, YDPA tetap berperanan sebagai ketua negara dan penjaga kestabilan politik. Peristiwa ini menandakan kali pertama doktrin budi bicara diujikan dalam situasi darurat, dan memperlihatkan kuasa YDPA untuk mengawal keadaan dalam krisis besar Negara (1969)

Isu berkaitan pelaksanaan kuasa menurut budi bicara untuk melantik Perdana Menteri oleh YDPA buat pertama kali telah timbul dalam menangani krisis Perlembagaan Tahun 1983 antara kerajaan persekutuan yang dipimpin oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan institusi Raja-raja, yang berkisar mengenai pindaan Perlembagaan yang bertujuan untuk mengurangkan kuasa budi bicara YDPA. Krisis ini berakhir dengan kompromi, di mana YDPA masih mengekalkan kuasa budi bicara dalam pelantikan Perdana Menteri, tetapi kuasa baginda dalam hal-hal lain dikurangkan. Pada tahun 1993, berlaku satu lagi krisis perlembagaan apabila kerajaan persekutuan cuba mengehadkan kekebalan Raja-raja Melayu melalui pindaan perlembagaan. Walaupun krisis ini lebih tertumpu kepada kekebalan Raja-raja, ia sekali lagi menekankan pentingnya kuasa budi bicara YDPA dalam situasi tertentu, termasuk pelantikan Perdana Menteri dan isu-isu yang melibatkan kestabilan politik negara. Krisis ini menjadi titik penting dalam mengukuhkan peranan YDPA sebagai Raja Berperlembagaan yang bertindak dalam ruang lingkup perundangan yang ditetapkan.

Krisis politik pada tahun 2020, yang dikenali sebagai "Langkah Sheraton," mencetuskan pergolakan politik besar-besaran di Malaysia. Krisis ini berlaku selepas berlakunya perpecahan dalam kerajaan Pakatan Harapan, yang memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018. Peristiwa ini menyebabkan perubahan kuasa politik yang melibatkan perletakan jawatan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, serta pelantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri yang baharu. Selepas perletakan jawatan Tun Dr. Mahathir, YDPA Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berdepan dengan situasi di mana tiada parti atau gabungan yang jelas mempunyai majoriti di Parlimen untuk membentuk kerajaan baharu. YDPA menggunakan kuasa budi bicara baginda di bawah Artikel 40(2)(a) Perlembagaan Persekutuan untuk melantik Perdana Menteri baharu. YDPA mengadakan pertemuan dengan semua Ahli Dewan Rakyat untuk menilai sokongan mereka terhadap calon Perdana Menteri. Setelah meneliti hasil rundingan, YDPA membuat keputusan menggunakan kuasa budi bicaranya untuk melantik Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri kelapan. Pelantikan ini dibuat berdasarkan keyakinan YDPA bahawa Muhyiddin mempunyai sokongan majoriti di Parlimen. Keputusan ini mencetuskan perdebatan dan kontroversi politik, terutamanya dalam soal legitimasi sokongan majoriti. Terdapat dakwaan bahawa beliau tidak mendapat sokongan majoriti yang sah, tetapi kerajaan yang dibentuk tetap berfungsi sehingga beberapa bulan kemudian. Keputusan YDPA ini menunjukkan bagaimana kuasa budi bicara digunakan dalam situasi di mana keputusan politik tidak jelas.

Pada Ogos 2021, Tan Sri Muhyiddin Yassin meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri selepas kehilangan sokongan majoriti di Parlimen. YDPA sekali lagi menggunakan kuasa budi bicara baginda untuk melantik Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri kesembilan setelah menilai sokongan majoriti Ahli Parlimen. Ini menunjukkan bahawa kuasa budi bicara YDPA terus memainkan peranan penting dalam memastikan peralihan kuasa berlaku secara aman dan mengikut perlembagaan.

Pada tahun 2022, Malaysia menghadapi satu lagi krisis politik selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) yang diadakan pada bulan November 2022. Tidak seperti krisis politik 2020 yang berpunca daripada pergolakan dalaman parti, krisis pada 2022 berlaku kerana tiada parti politik yang berjaya memperoleh majoriti jelas di Dewan Rakyat untuk

membentuk kerajaan. Setelah keputusan PRU-15 diumumkan, YDPA Sultan Abdullah menghadapi situasi yang memerlukan kuasa budi bicara baginda untuk menentukan siapa yang layak dilantik sebagai Perdana Menteri. Baginda mengadakan rundingan dengan ketua-ketua parti politik utama untuk menilai sokongan mereka terhadap calon Perdana Menteri. Setelah rundingan dilakukan dan beberapa siri pertemuan berlangsung, YDPA menggunakan kuasa budi bicaranya untuk melantik Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10. Pelantikan ini dibuat berdasarkan keyakinan bahawa Anwar mendapat sokongan majoriti Ahli Dewan Rakyat, dengan sokongan daripada gabungan politik yang luas. Pelantikan Dato' Seri Anwar Ibrahim menandakan berakhirnya ketidakpastian politik selepas PRU-15. Keputusan ini diambil dengan matlamat untuk memastikan kestabilan politik negara dan membentuk sebuah kerajaan yang sah di sisi Perlembagaan. Penggunaan kuasa budi bicara YDPA dilihat sebagai penting dalam mengekalkan keseimbangan politik, khususnya apabila tiada keputusan majoriti yang jelas di Parlimen.

Penggunaan kuasa budi bicara YDPA dalam kedua-dua krisis politik ini menunjukkan kepentingan peranan YDPA dalam menjaga kestabilan negara, terutamanya apabila situasi politik tidak menentu. Walaupun situasi dan proses rundingan berbeza, kuasa budi bicara YDPA digunakan untuk mencapai keputusan yang dapat mengembalikan kestabilan politik dan memastikan kesinambungan pemerintahan di Malaysia. Kedua-dua peristiwa ini menonjolkan bagaimana kuasa budi bicara YDPA boleh disesuaikan mengikut keadaan dan kepentingan negara.

KRITIKAN DAN CABARAN BERKAITAN KUASA BUDI BICARA

Kekaburan dalam menafsirkan kuasa budi bicara

Salah satu kritikan utama ialah kekaburan dalam tafsiran mengenai kuasa budi bicara YDPA. Walaupun Perkara 40(2) Perlembagaan Persekutuan memberi YDPA kuasa budi bicara dalam situasi tertentu seperti pelantikan Perdana Menteri, tiada garis panduan yang jelas mengenai bagaimana kuasa ini harus digunakan dalam situasi politik yang rumit, seperti apabila tiada satu pihak yang mendapat majoriti jelas selepas pilihan raya. Ini membuka ruang untuk pelbagai tafsiran yang boleh mencetuskan perdebatan dan ketidakpastian. Perdebatan mengenai tafsiran kuasa budi bicara YDPA adalah kompleks, menggabungkan elemen undang-undang dan politik. Walaupun kuasa ini diberikan oleh perlembagaan, bagaimana ia dilaksanakan dalam amalan sering kali dipengaruhi oleh situasi politik semasa. Ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana kuasa budi bicara ini harus digunakan untuk memastikan keadilan dan kestabilan politik tanpa mengorbankan prinsip-prinsip demokrasi dan kedaulatan undang-undang.

Menurut perspektif undang-undang sebagaimana yang dinyatakan oleh Perlembagaan Persekutuan, dalam hal berkaitan pelantikan Perdana Menteri, YDPA mempunyai kuasa budi bicara untuk melantik seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hemat baginda mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan. Tafsiran "kepercayaan majoriti" ini sering menjadi subjek perdebatan, terutamanya apabila tiada satu parti yang mempunyai majoriti jelas selepas pilihan raya umum. Terdapat kes-kes mahkamah yang cuba menjelaskan ruang lingkup kuasa budi bicara ini. Contohnya, dalam kes *Nizar Jamaluddin v. Zambry Abdul*

Kadir (2009), Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa YDPA atau Sultan mempunyai kuasa budi bicara untuk menentukan sama ada seorang Perdana Menteri atau Menteri Besar telah kehilangan sokongan majoriti tanpa perlu merujuk kepada undian di Dewan Undangan Negeri.

Kekaburan ini menyebabkan pelbagai pihak politik boleh mempersoalkan keputusan YDPA, terutamanya apabila ia tidak berpihak kepada mereka. Dalam situasi di mana keputusan YDPA berbeza dengan harapan pihak tertentu, ia boleh mengakibatkan krisis keyakinan dalam kalangan rakyat dan ahli politik terhadap institusi beraja.

Keputusan YDPA di pengaruhi unsur politik

Tafsiran kuasa budi bicara YDPA juga sering kali dipengaruhi oleh keadaan politik semasa. Contohnya, apabila tiada parti atau gabungan yang jelas menguasai majoriti Parlimen, tekanan dari pelbagai pihak politik terhadap YDPA untuk memilih calon tertentu sebagai Perdana Menteri menjadi kuat. Ini menimbulkan persoalan samada kuasa budi bicara YDPA digunakan berdasarkan prinsip perlembagaan atau dipengaruhi oleh faktor politik. Krisis politik pada tahun 2020 dan 2022, menimbulkan perdebatan mengenai peranan YDPA dalam menyelesaikan kebuntuan politik. Keputusan YDPA untuk melantik Perdana Menteri baharu berdasarkan sokongan majoriti ahli Parlimen melalui pengesahan surat akuan (statutory declaration) menjadi isu kontroversi, kerana ia tidak melibatkan undian rasmi di Parlimen. Ada yang berpendapat bahawa kuasa budi bicara YDPA harus digunakan dengan berhati-hati untuk mengekalkan keseimbangan antara kuasa eksekutif dan hak rakyat untuk memilih kerajaan mereka. Tafsiran yang terlalu luas terhadap kuasa budi bicara ini boleh mencetuskan persepsi bahawa peranan institusi beraja telah melampaui batas-batas yang ditetapkan oleh perlembagaan. Ada yang berpendapat bahawa kuasa budi bicara YDPA mungkin terdedah kepada pengaruh politik. Dalam situasi politik yang tidak stabil, pihak-pihak berkepentingan boleh cuba mempengaruhi keputusan YDPA. Ini menimbulkan persoalan tentang sama ada keputusan yang dibuat benar-benar berdasarkan prinsip perlembagaan atau dipengaruhi oleh tekanan politik dari pihak-pihak tertentu.

Tidak Demokratik

Pelaksanaan kuasa budi bicara YDPA sering kali dikritik dari sudut legitimasi demokratik. Contohnya, apabila YDPA melantik seorang Perdana Menteri tanpa melalui pilihan raya atau tanpa keputusan undian rasmi di Parlimen, kritikan boleh timbul bahawa pelantikan tersebut tidak mencerminkan kehendak rakyat secara langsung. Ini menimbulkan isu mengenai sejauh mana pelantikan Perdana Menteri tersebut memiliki mandat demokratik.

Adalah penting untuk menyeimbangkan antara kuasa budi bicara YDPA dan prinsip demokrasi berparlimen. Dalam situasi krisis politik, keputusan yang dibuat harus dapat dilihat sebagai sah dan adil oleh rakyat dan ahli politik. Jika keputusan YDPA tidak diterima sebagai sah oleh rakyat, ianya boleh mencetuskan krisis politik yang lebih besar dan menjejaskan kestabilan negara.

Ketidakadilan

Dalam situasi di mana tiada majoriti yang jelas di Parlimen, keputusan untuk melantik seorang Perdana Menteri boleh menjadi rumit. Tindakan YDPA dalam situasi ini sering kali dikritik oleh pihak yang tidak berjaya mendapatkan jawatan tersebut, yang boleh menuduh bahawa kuasa budi bicara YDPA telah digunakan secara tidak adil.

Menentukan siapa yang "kemungkinan mendapat kepercayaan majoriti" seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan bukannya mudah, terutamanya apabila situasi politik sangat dinamik dan berpecah. YDPA perlu membuat keputusan yang berdasarkan bukti dan situasi semasa, sambil memastikan keputusan tersebut dihormati oleh semua pihak yang terlibat.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Bahagian ini mengemukakan perbincangan menyeluruh terhadap dapatan kajian serta cadangan penambahbaikan yang bersifat normatif, institusional dan prosedural bagi memperkukuh pelaksanaan kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dalam pelantikan Perdana Menteri. Cadangan-cadangan ini dirangka bagi menyeimbangkan keperluan kestabilan politik dengan prinsip legitimasi demokratik, kedaulatan undang-undang dan pemisahan kuasa.

Penambahbaikan dari Sudut Legitimasi Demokratik

Dapatan kajian menunjukkan bahawa isu utama yang timbul dalam pelantikan Perdana Menteri semasa krisis politik ialah persoalan legitimasi demokratik. Walaupun Perlembagaan Persekutuan tidak mewajibkan undian percaya secara serta-merta, ketiadaan pengesahan Parlimen yang formal selepas pelantikan telah menimbulkan persepsi awam bahawa proses tersebut kurang telus.

Sehubungan itu, dicadangkan supaya satu amalan berperlembagaan baharu diwujudkan, iaitu Perdana Menteri yang dilantik oleh YDPA hendaklah membuktikan kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat melalui undian percaya dalam tempoh masa tertentu, contohnya dalam masa 14 atau 30 hari selepas pelantikan. Cadangan ini tidak memerlukan pindaan perlembagaan, sebaliknya boleh dibangunkan sebagai konvensyen perlembagaan yang mantap. Pendekatan ini akan memperkukuh legitimasi demokratik tanpa menjejaskan prerogatif YDPA.

Penambahbaikan Prosedur Penentuan Sokongan Majoriti

Kajian ini mendapati bahawa ketiadaan prosedur bertulis dalam menentukan sokongan majoriti telah mewujudkan ketidakpastian perlembagaan. Oleh itu, satu prosedur piawai wajar diperkenalkan bagi membimbing YDPA dalam menilai kepercayaan majoriti ahli Parlimen. Prosedur ini boleh merangkumi keperluan dokumentasi sokongan dalam bentuk akuan bersumpah, surat sokongan bertulis atau perakuan rasmi parti politik yang ditandatangani oleh ahli Parlimen. Dokumen-dokumen ini hendaklah dikemukakan kepada YDPA melalui saluran yang rasmi dan direkodkan secara teratur. Walaupun YDPA tidak

terikat secara mutlak dengan dokumen tersebut, kewujudan rekod bertulis akan meningkatkan ketelusan dan mengurangkan pertikaian pasca-pelantikan.

Pengukuhan Konvensyen Perlembagaan

Satu kelemahan ketara dalam kerangka sedia ada ialah kerapuhan konvensyen perlembagaan berkaitan peranan YDPA dalam pelantikan Perdana Menteri. Berbeza dengan United Kingdom dan Kanada, Malaysia masih belum membangunkan konvensyen yang jelas dan konsisten.

Oleh itu, artikel ini mencadangkan agar prinsip-prinsip berikut dimantapkan sebagai konvensyen perlembagaan: (i) YDPA bertindak sebagai pemudah cara dalam proses peralihan kuasa, bukan sebagai aktor politik; (ii) pelantikan Perdana Menteri hendaklah berasaskan kebarangkalian munasabah memperoleh kepercayaan majoriti, bukan sokongan sementara atau spekulatif; dan (iii) sebarang penggunaan budi bicara hendaklah bersifat minimum dan bertujuan mengekalkan kestabilan institusi.

Peranan Kehakiman sebagai badan penasihat dan semak dan Had Campur Tangan

Salah satu kebimbangan utama dalam pelaksanaan kuasa budi bicara ini ialah ketiadaan mekanisme semak dan imbang yang kukuh. Walaupun perlembagaan menyediakan panduan umum, ketiadaan kawalan jelas terhadap kuasa budi bicara YDPA boleh menimbulkan risiko penyalahgunaan kuasa, terutamanya dalam situasi politik yang tegang. Kajian ini tidak mencadangkan perluasan campur tangan kehakiman secara berlebihan dalam urusan pelantikan Perdana Menteri. Namun demikian, mahkamah wajar memainkan peranan yang lebih jelas dalam menetapkan prinsip perlembagaan asas berkaitan ketelusan dan rasionaliti proses. Badan kehakiman boleh berperanan sebagai badan bebas atau rujukan untuk memastikan bahawa pelantikan Perdana Menteri oleh YDPA adalah berdasarkan prinsip keadilan dan mengikut peruntukan perlembagaan secara telus. (Jalil, 2020).

Mahkamah boleh membangunkan piawaian semakan terhad (*limited judicial review*) yang memfokuskan kepada aspek prosedur, seperti samada YDPA telah mengambil kira bukti sokongan yang relevan dan bertindak secara rasional. Pendekatan ini membolehkan semak dan imbang berfungsi tanpa menjejaskan kedudukan Raja sebagai Ketua Negara. Institusi kehakiman juga boleh menjadi institusi penasihat yang boleh memberi panduan dan nasihat bebas kepada YDPA dalam menjalankan kuasa budi bicara. Ini termasuk penasihat undang-undang dan pakar perlembagaan yang boleh membantu dalam membuat keputusan yang kompleks dan kritikal. Institusi sokongan yang kukuh akan memastikan keputusan yang dibuat oleh YDPA berdasarkan pertimbangan yang mendalam dan berlandaskan undang-undang serta prinsip demokrasi, sekaligus mengurangkan risiko keputusan yang boleh dipertikaikan (Faruqi, 2021).

Kerangka Budi Bicara Berpandu YDPA

Berdasarkan cadangan-cadangan di atas, artikel ini mengemukakan satu Kerangka Budi Bicara Berpandu YDPA sebagai panduan menyeluruh dalam pelantikan Perdana Menteri.

Kerangka ini merangkumi lima elemen utama, iaitu: (i) kewujudan kebuntuan politik yang nyata; (ii) pengumpulan dan penilaian bukti sokongan majoriti secara bertulis; (iii) pelantikan berdasarkan kebarangkalian munasabah memperoleh kepercayaan majoriti; (iv) pengesahan Parlimen dalam tempoh masa yang munasabah; dan (v) pemantauan kehakiman terhadap aspek prosedur.

Kerangka ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan kuasa budi bicara YDPA bersifat konsisten, telus dan selari dengan prinsip demokrasi berparlimen. Pada masa yang sama, ia mengekalkan fleksibiliti yang diperlukan oleh institusi Raja untuk bertindak dalam situasi luar biasa.

Cadangan penambahbaikan yang dikemukakan dalam artikel ini mempunyai implikasi penting terhadap evolusi perlembagaan Malaysia. Ianya mencerminkan keperluan untuk beralih daripada pergantungan kepada tafsiran ad hoc kepada pembangunan amalan berperlembagaan yang lebih matang. Pendekatan ini bukan sahaja relevan dalam konteks pelantikan Perdana Menteri, malah boleh menjadi model kepada pengurusan krisis perlembagaan lain pada masa hadapan.

PENUTUP

Kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong dalam pelantikan Perdana Menteri merupakan aspek penting dalam sistem perlembagaan Malaysia, yang menjamin keberlangsungan pemerintahan negara dalam situasi ketidaktentuan politik. Walaupun kuasa ini diberi ruang oleh Perlembagaan Persekutuan, penggunaannya sering menimbulkan persoalan dan kontroversi, terutamanya dalam konteks kestabilan politik dan kepercayaan awam terhadap institusi monarki.

Melalui kajian ini, jelas bahawa penggunaan kuasa budi bicara ini perlu dilaksanakan dengan berhati-hati dan bertanggungjawab, dengan mengambil kira kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat. Meskipun perlembagaan menyediakan panduan untuk pelaksanaan kuasa ini, terdapat keperluan untuk memperkenalkan mekanisme kawalan yang lebih jelas bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan mengurangkan ketegangan politik. Cadangan-cadangan untuk penambahbaikan, seperti penambahbaikan dari sudut legitimasi demokratik, prosedur penentuan sokongan majoriti, pengukuhan konvensyen perlembagaan, peranan kehakiman dan had garis panduan yang lebih ketat dan amalan semak dan imbang yang lebih kukuh, kerangka budibicara berpandu YDPA adalah penting untuk memastikan bahawa pelaksanaan kuasa budi bicara oleh YDPA terus berfungsi sebagai alat kestabilan negara, bukannya sumber ketidakstabilan. Di masa hadapan, kajian lanjut mengenai keberkesanan mekanisme kawalan ini serta impaknya terhadap landskap politik Malaysia adalah perlu untuk memperkukuhkan lagi kepercayaan terhadap sistem perlembagaan negara.

RUJUKAN

Amin Shah, S. M. (2021). *Malaysian Administrative Law*. Sweet & Maxwell.

- A. M. Rahman, "Constitutional Discretion of the Yang di-Pertuan Agong in the Appointment of the Prime Minister: Legal and Political Implications," *Journal of Constitutional Law Studies*, 2021, vol. 12, no. 2, pp. 78-99
- Bari, A. A. (2018). Kontroversi pelantikan Perdana Menteri selepas Pilihan Raya Umum ke-14. *Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 25(3), 45-60.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus Dewan (Edisi Keempat). Dewan Bahasa dan Pustaka
- Faruqi, S. S. (2008). Document of destiny: The Constitution of the Federation of Malaysia. Star Publications.
- Faruqi, S. S. (2021). The Role of Independent Advisory Bodies in Constitutional Monarchies: Lessons for Malaysia. *Malayan Law Journal*, 6, 75-92.
- Gill, S. S. (2018). Constitutional law in Malaysia. Sweet & Maxwell.
- Government of Malaysia. (1969). The May 13 tragedy: A report. Kuala Lumpur: National Operations Council.
- H. S. Ng, "The Limits of Royal Discretion: Analyzing the Appointment of the Prime Minister in Malaysia," *Asian Legal Review*, 2019, vol. 5, pp. 112-130/ Jalil, J. A. (2020). The Role of the Yang di-Pertuan Agong in the Appointment of the Prime Minister: Issues and Challenges. *Malayan Law Journal*, 5, 102-115/ J. Wong, "The Yang di-Pertuan Agong and Political Discretion: A Critical Examination," *Malaysian Law Journal Review*, 2022, vol. 7, pp. 54-72.
- Hutchinson, T. (2010). Researching and Writing in Law. 3rd edn, Lawbook Co, Sydney
- K. K. Tan, "The Role of the Yang di-Pertuan Agong in the Appointment of the Prime Minister: A Critical Analysis," *Malaysian Journal of Law and Governance*, 2020, vol. 1, pp. 23-45.
- Koh, F. H. (2023). Modern Malaysian law. Sweet & Maxwell.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia. (2022). Perkara 40(1). International Law Book Services.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia. (2022). Perkara 40(2) (a). International Law Book Services.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia. (2022). Perkara 43(2) (a). International Law Book Services.
- Salman, M. & Abdullah, M. (2014). "Legal Research Methodology: An Overview". 5 *Journal of Law, Policy and Globalization*
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2021). Yang di-Pertuan Agong: Kedaulatan, Prerogatif dan Amalan. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rujukan Kes

- Abdul Hadi Awang v. Yang di-Pertuan Agong [2009] 6 MLJ 859
- Lau Siew Kim v. Yang di-Pertuan Agong [1997] 2 MLJ 273.
- Nizar Jamaluddin v. Zambry Abdul Kadir [2009] 5 MLJ 464 (Court of Appeal).
- S. R. Ramasamy v. The Government of Malaysia [1983] 2 MLJ 212.